



HARUN (tiga dari kiri) memukul gong sebagai simbolik perasmian APC.



Affzanizam dan Faezah.

## 1,655 pekerja akademik, bukan akademik UMS terima anugerah

DE 175.263.6

### Khabil Kiram

KOTA KINABALU: Seramai 1,655 pekerja akademik dan bukan akademik Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima anugerah penghargaan untuk perkhidmatan mereka di universiti itu, di sini, Khamis.

Daripada bilangan itu, 209 pekerja akademik dan bukan akademik menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dengan wang tunai RM1,000 dan sijil sebagai pengiktirafan perkhidmatan mereka.

Penerima lain memperolehi sijil untuk mengiktiraf kerja mereka.

Dihadiri oleh Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah, Upacara Anugerah Perkhidmatan Cemerlang itu menyaksikan 616

golongan akademik dan 1023 pekerja bukan akademik menerima anugerah.

Dalam ucapannya, Harun menggalakkan penerima menjadi teladan kepada rakan pekerja untuk menggalakkan produktiviti selanjutnya.

Beliau juga menegah sikap iri hati dalam kalangan pekerja yang tidak menerima anugerah kerana kenegatifan dapat mengurangkan produktiviti.

"Saya percaya sekiranya anda sentiasa ikhlas melakukan kerja anda, ganjarannya akan datang sendirinya," kata Harun.

Sementara itu, pemenang APC Faezah Mohamad Dun berkata kesemua masa tambahan yang diberikan dalam tiga tahunnya di UMS membawa hasil selepas menerima anugerah itu.

"Selepas hari ini, kerja keras yang saya lakukan nampak berbaloi. Saya bersyukur. Ramai orang lebih layak mendapat anugerah ini tetapi saya rasa ia rezeki saya hari ini," kata Faezah.

Rakan pemenang APC, Mohd Affzanizam Mohd Amin berkata anugerah itu mendorongnya berkhidmat lebih baik.

"Saya bersyukur atas anugerah ini selepas empat tahun di sini. Saya akan menggunakan anugerah ini untuk menambah baik kualiti kerja saya untuk universiti."

"Lakukan kerja anda selalu seperti diarahkan oleh penyelia dan bekerja sebagai satu pasukan. Sentiasa bersedia untuk bekerja lebih masa kerana di bahagian korporat, kerja tidak ditetapkan. Anda perlu berdedikasi," katanya.